

TEKS UCAPAN
SEMPENA MAJLIS ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG
BAGI TAHUN 2008
OLEH
YANG BERHORMAT DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABD AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
PADA 20 MEI 2009

1

Bismilahir-Rahmanir-Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Saudara/saudari Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

2

*Yang Berbahagia Dato' Abdullah Sani bin AbHamid
Ketua Pengarah Bahagian Hal-Ehwal Undang-Undang*

*Yang Berusaha Pn. Nik Hasmat binti Nik Mohamad
Ketua Pengarah Biro Bantuan Guaman*

*Yang Berbahagia Datuk Abdul Karim bin Abdul Jalil
Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia*

3

*Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah BHEUU, BBG dan JIM
Pegawai-Pegawai Kanan BHEUU, BBG dan JIM*

Para Jemputan yang diraikan ,

Dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

4

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah yang Maha Esa, kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dapat kita bersama-sama di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008 bagi Bahagian Hal-Ehwal Undang-Undang, Biro Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Bahagian yang memberi penghormatan kepada saya untuk menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008 pada petang ini.

5

2. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada mereka yang berjaya mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008. Anugerah yang diterima haruslah dijadikan teras dan pendorong untuk lebih berusaha bagi mempertingkatkan sistem penyampaian yang lebih cekap, berwibawa, berintegriti dan berkualiti. Kejayaan yang diraih ini haruslah dijadikan contoh dan ikutan oleh penjawat awam yang lain bagi mempertingkatkan lagi kecemerlangan Perkhidmatan Awam negara kita.

6

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Kecemerlangan bukanlah suatu perkara yang mustahil untuk dicapai namun ia memerlukan usaha dan iltizam yang tinggi serta sentiasa meletakkan kecemerlangan sebagai keutamaan dalam setiap usaha yang dilakukan. Ia juga memerlukan usaha gigih yang berpanjangan dan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam memikul dan melaksanakan setiap amanah yang dipertanggungjawabkan. Kesediaan dan kesanggupan

7

untuk menerima perubahan seiring dengan kemajuan teknologi yang ditandai oleh proses globalisasi menuntut banyak pengorbanan untuk menuju kecemerlangan. Melihat kepada perkembangan dunia pada hari ini, YAB Perdana Menteri telah berhasrat untuk menanam budaya kecemerlangan di kalangan masyarakat Malaysia khususnya penjawat-penjawat awam melalui usaha-usaha meningkatkan kesedaran supaya mementingkan prinsip ketepatan (*principles of precision*). YAB Perdana

8

Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 April yang lalu antara lain menyatakan:

”...bahawa dalam usaha membawa Malaysia ke arah kejayaan dan pencapaian yang lebih tinggi, kita perlu menanam kesedaran di kalangan masyarakat yang mengamalkan prinsip ketepatan iaitu dari segi pengukuran, pengurusan masa, jadual penyampaian, kualiti produk dan sebagainya. Budaya yang mementingkan prinsip ketepatan akan membolehkan Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang

9

mementingkan kualiti dan kecemerlangan seperti negara-negara Jerman, Switzerland dan Jepun.”

4. Kerajaan kini menitikberatkan sebuah perkhidmatan awam yang cekap, berkesan, responsif, dan berani menghadapi perubahan bagi memastikan negara mampu bergerak selari dengan arus globalisasi yang pantas dan semakin mencabar. Namun, usaha modenisasi perkhidmatan awam melalui anjakan paradigma dan perubahan struktural yang dititikberatkan

oleh pucuk pimpinan negara kini tidak akan berjaya tanpa sokongan yang padu dan berterusan daripada segenap lapisan penjawat awam. Memetik ucapan YAB Perdana Menteri sempena Majlis Perdana Perkhidmatan Awam ke-10 yang lalu mengenai modenisasi perkhidmatan awam:

“Sesungguhnya pembaharuan yang akan dilakukan ini bukanlah bersifat ‘top down’ tetapi sebaliknya melibatkan gabungjalih semua segmen perkhidmatan awam bermula dengan pimpinan atasan.”

11

Hadirin yang dihormati,

5. Sebagaimana yang kita sedia maklum, perkhidmatan awam kini menghadapi pelbagai cabaran. Peningkatan tahap kesedaran orang ramai tentang hak-hak mereka terhadap kerajaan dan perkhidmatan yang disediakan memaksa perkhidmatan awam untuk mengubah cara bekerja, cara berfikir dan perlu bertindak dengan lebih berkesan. Lantas ia memerlukan penjawat awam yang sentiasa berpandangan jauh, terbuka, kreatif, inovatif dan sentiasa berani membawa perubahan bagi

12

meningkatkan lagi kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang diberikan. Tumpuan terhadap produktiviti dan output semata-mata pada hari ini sudah tidak relevan lagi. Produktiviti kini haruslah digabungkan bersama kreativiti dan inovasi yang mampu melonjakkan kecekapan dan keberkesanan Perkhidmatan Awam Malaysia.

6. Bagi menterjemahkan usaha modenisasi Perkhidmatan Awam ini, kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah bagi mengukur

13

keberkesanan dan kualiti sistem perkhidmatan yang disampaikan. Antaranya ialah Sistem Star Rating (SSR) di mana sistem ini telah menetapkan kriteria-kriteria tertentu seperti perkhidmatan teras sesebuah agensi, pengurusan organisasi, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan projek pembangunan, pengurusan ICT, pengurusan pelanggan dan pengurusan karenah birokrasi yang perlu dipenuhi oleh sesebuah kementerian atau jabatan bagi menghasilkan perkhidmatan yang bermutu tinggi. Di dalam konteks ini, setiap kerja yang

14

dipertanggungjawabkan perlulah mencapai tahap piawaian yang tinggi. Tidak dapat dinafikan melalui sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap, ia akan dapat menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Lantas ia seterusnya dapat memenuhi perkara pokok yang paling penting, iaitu ekspektasi dan harapan rakyat yang sentiasa meningkat.

7. Bagi memenuhi tuntutan rakyat ini juga, YAB Perdana Menteri telah melakukan inisiatif untuk menggariskan satu sistem petunjuk utama (*Key Performance Indicator*) kepada anggota-anggota kabinet bagi mengukur pencapaian mereka. Untuk itu, beberapa aspek penting yang melibatkan kepentingan utama kepada rakyat dan negara telah ditetapkan ukuran prestasi dan pencapaiannya. Namun, seperti yang telah saya katakan tadi, anggota perkhidmatan awam haruslah menjadi rakan kongsi utama kepada anggota pentadbiran bagi bersama-sama berganding bahu menunaikan

komitmen kepada rakyat dalam memberikan khidmat yang terbaik agar aspirasi kerajaan dalam mencapai gagasan “Satu Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” akan dapat terlaksana.

8. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada 140 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008 bagi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Biro Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia. Saya menyeru supaya tuan-tuan dan puan-puan akan dapat

17

meneruskan lagi tahap kecemerlangan yang telah dicapai dan Anugerah ini akan menjadi pendorong ke arah pencapaian perkhidmatan yang lebih gemilang pada masa akan datang.

9. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

18